

# **GARIS PANDUAN PERMOHONAN TAULIAH MENGAJAR**

**DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TAULIAH  
(TERENGGANU) 2013**

**BAHAGIAN DAKWAH**

## **KANDUNGAN**

KANDUNGAN .....	1
TUJUAN .....	2
TAFSIRAN .....	2
PUNCA KUASA .....	2
PENDAHULUAN.....	3
ASAS PERTIMBANGAN.....	3
KATEGORI PENTAULIAHAN.....	4
BIDANG KUASA PENTAULIAHAN .....	4
TEMPOH SAH PENTAULIAHAN .....	4
KRITERIA KELAYAKAN.....	5
PROSEDUR PERMOHONAN TAULIAH .....	5
PROSEDUR PEMBAHARUAN TAULIAH .....	6
KADAR FI BAGI SETIAP PENGELOUARAN TAULIAH .....	6
TANGGUNGJAWAB DAN ETIKA PENGAJAR .....	7
LAMPIRAN .....	8
PENUTUP .....	8
LAMPIRAN A.....	10
LAMPIRAN B.....	12
LAMPIRAN C.....	13
LAMPIRAN D.....	15

## **GARIS PANDUAN PERMOHONAN TAULIAH MENGAJAR DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TAULIAH (TERENGGANU) 2013**

### **TUJUAN**

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada mana-mana individu yang berhasrat untuk memohon Tauliah Mengajar di bawah peruntukan Subseksyen 102(3) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001. Garis panduan ini juga membantu pihak Pejabat Agama Daerah dalam mengurus permohonan Tauliah Mengajar di peringkat daerah.

### **TAFSIRAN**

2. Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—
  - “Majlis” bermaksud Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu;
  - “Jawatankuasa” bermaksud Jawatankuasa Pengawasan Pendidikan Agama Islam yang ditubuhkan di bawah Subseksyen 102(1) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001;
  - “Jabatan” bermaksud Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu;
  - “Pejabat Agama Daerah” bermaksud Pejabat Agama Daerah di daerah pemohon;
  - “Tauliah” bermaksud Tauliah Mengajar yang diberikan di bawah Subseksyen 102(3) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001;
  - “Mengajar” membawa maksud yang ditafsirkan dalam Peraturan 2 Peraturan-Peraturan Tauliah (Terengganu) 2013 iaitu menyampaikan sebarang maklumat yang berkaitan dengan agama Islam melalui ceramah, forum, pengkisahan, motivasi, taklimat, tazkirah, pembentangan kertas kerja, kuliah, audio visual atau cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa; dan
  - “Pengajar” bermaksud pemegang Tauliah Mengajar yang diertikan dalam Peraturan 21 Peraturan-Peraturan Tauliah (Terengganu) 2013.

### **PUNCA KUASA**

3. Punca kuasa garis panduan ini ialah:
  - (a) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001;
  - (b) Peraturan-Peraturan Tauliah (Terengganu) 2013; dan
  - (c) Ketetapan-ketetapan Majlis dari semasa ke semasa.

## PENDAHULUAN

4. Jawatankuasa bertanggungjawab dalam urusan-urusan yang berkaitan dengan Tauliah di negeri Terengganu selaras dengan peruntukan Subseksyen 102(3) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001.

5. Berdasarkan Peraturan 5 Peraturan-Peraturan Tauliah (Terengganu) 2013, Jawatankuasa mempunyai fungsi seperti mana berikut:

- (a) untuk menjalankan apa-apa ujian bertulis atau temu duga terhadap pemohon Tauliah;
- (b) untuk menetapkan apa-apa terma, syarat dan sekatan semasa sesuatu Tauliah dikeluarkan;
- (c) untuk meluluskan dan mengeluarkan apa-apa Tauliah sebagaimana yang ditetapkan dalam subperaturan 25 (4);
- (d) untuk memberi apa-apa arahan, larangan atau perintah kepada mana-mana pemegang Tauliah;
- (e) untuk menggantung atau menarik balik mana-mana Tauliah yang dikeluarkan;
- (f) untuk menasihati dan membuat syor kepada mesyuarat Majlis mengenai segala perkara yang berkaitan dengan Tauliah;
- (g) untuk melaporkan dan memperakarkan tindakan yang wajar diambil oleh Majlis berhubung perlakuan atau pelanggaran yang dilakukan oleh pemegang Tauliah;
- (h) untuk menetapkan format Tauliah dan apa-apa fi yang berhubung dengan pengeluaran Tauliah; dan
- (i) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang berhubungan atau bersampingan dengan fungsi Jawatankuasa yang disebut dalam (a), (b), (c), (d), (e), (f), (g) dan (h).

6. Majlis bertindak untuk mengesahkan keputusan Jawatankuasa sebelum diedarkan kepada Jabatan untuk tindakan.

7. Fungsi Jabatan:

- (a) Bahagian Dakwah berfungsi sebagai urus setia kepada Jawatankuasa dalam urusan ujian temu duga, Daftar Tauliah serta penyediaan dokumen perakuan Tauliah; dan
- (b) Pejabat Agama Daerah berfungsi untuk menerima borang-borang permohonan serta menyerahkan dokumen perakuan Tauliah kepada pemohon yang berjaya termasuk menerima bayaran fi daripada pemohon.

## ASAS PERTIMBANGAN

8. Keperluan mewujudkan garis panduan ini adalah untuk memberi maklumat rasmi berkenaan tatacara permohonan Tauliah kepada mana-mana individu yang berkelayakan mengajar dan berhasrat untuk memohon Tauliah agar setiap pengajaran agama Islam yang diadakan menepati kehendak perundangan serta mengelak daripada timbulnya sebarang isu kesalahan, kontroversi, pertikaian dan seumpamanya yang boleh menimbulkan keresahan masyarakat.

## KATEGORI PENTAU利亚HAN

9. Pentauliahan dibahagikan mengikut kategori pengajaran berikut:
- (a) **Kategori Ceramah Umum** membenarkan pemegangnya memberi ceramah umum berhubung dengan apa-apa aspek agama Islam di mana-mana tempat dan dengan apa-apa juga cara selain dari mengajar agama Islam secara berkala;
  - (b) **Kategori Mengajar Agama Islam Berkitab** membenarkan pemegangnya mengajar agama Islam secara berkala menggunakan kitab di mana-mana tempat;
  - (c) **Kategori Mengajar al-Quran** membenarkan pemegangnya mengajar al-Quran di mana-mana premis; dan
  - (d) **Kategori Khas** membenarkan pemegangnya menjalankan pengajaran secara khusus kepada sesuatu subjek atau bidang ilmu tertentu sahaja.

## BIDANG KUASA PENTAU利亚HAN

10. Selain kategori pengajaran, pentauliahan juga ditentukan kepada beberapa bidang kuasa sebagaimana berikut:
- (a) **Peringkat Negeri** membenarkan Pengajar menyampaikan pengajaran agama Islam di mana-mana tempat di seluruh negeri Terengganu;
  - (b) **Peringkat Daerah** membenarkan Pengajar menyampaikan pengajaran agama Islam di mana-mana tempat dalam daerah yang berkaitan sahaja; dan
  - (c) **Peringkat Mukim** membenarkan Pengajar menyampaikan pengajaran agama Islam di mana-mana tempat dalam mukim yang berkaitan sahaja.

11. Bidang kuasa pentauliahan ini ditentukan mengikut kemahiran dan kepakaran pemohon berdasarkan kepada kategori pengajaran yang dimohon.

## TEMPOH SAH PENTAU利亚HAN

12. Setiap Tauliah yang dikeluarkan mempunyai tempoh sah tertentu berkuatkuasa dari tarikh keputusan pengesahan Majlis sebagaimana berikut:
- (a) Calon kelahiran negeri Terengganu yang diluluskan Tauliah akan diberikan tempoh kesahan pentauliahan dengan tidak melebihi lima (5) tahun.
  - (b) Calon bukan kelahiran negeri Terengganu yang diluluskan Tauliah di samping mempunyai sijil kerakyatan negeri Terengganu akan diberikan tempoh kesahan pentauliahan dengan tidak melebihi lima (5) tahun.
  - (c) Calon bukan kelahiran negeri Terengganu yang diluluskan Tauliah namun tidak mempunyai sijil kerakyatan negeri Terengganu akan diberikan tempoh kesahan pentauliahan dengan tempoh tidak melebihi satu (1) tahun.

13. Walau bagaimanapun, setiap Tauliah yang telah dikeluarkan boleh dibatal, digantung atau dipendekkan tempoh sahnya oleh Jawatankuasa atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam Peraturan 18 Peraturan-Peraturan Tauliah (Terengganu) 2013 sebagaimana berikut:

- (a) Pengajar telah melanggar atau tidak mematuhi atau tidak menjalankan mana-mana terma, syarat atau sekatan yang dinyatakan dalam Tauliah;
- (b) Pengajar memberi ceramah umum atau mengajar pengajaran Agama Islam secara bertentangan dengan syariah atau akidah Islamiah;
- (c) Pengajar memberi ceramah umum atau memberi pengajaran agama Islam

- 
- yang mempunyai kecenderungan bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan kepada mana-mana orang atau kerajaan atau badan NGO;
  - (d) Pengajar memberi tafsiran yang tidak tepat, keliru atau menyeleweng dari ajaran sebenar agama dalam ceramah umum agama atau pengajaran agama Islamnya;
  - (e) Pengajar tidak mematuhi apa-apa arahan, larangan atau perintah yang diberikan secara sah oleh Jawatankuasa; atau
  - (f) Pengajar berkelakuan yang pada pandangan Jawatankuasa boleh menjelaskan atau mencemarkan Agama Islam.

## KRITERIA KELAYAKAN

14. Setiap individu adalah layak memohon Tauliah sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) beragama Islam;
- (b) mempunyai kelayakan pendidikan Islam sama ada:
  - (i) memegang suatu kelayakan pengajian tinggi Islam daripada universiti tempatan atau luar negeri yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; atau
  - (ii) memegang suatu kelayakan pengajian Islam daripada mana-mana institusi pengajian Islam tempatan yang diiktiraf oleh Majlis; atau
  - (iii) berpengetahuan dalam Hukum Syarak; dan mempunyai pengetahuan agama Islam sekurang-kurangnya di peringkat Empat Sanawi atau yang setaraf dengannya atau di peringkat sijil yang diperakui oleh Jawatankuasa; dan
- (c) telah mencapai umur dua puluh satu (21) tahun dan dalam hal pengajaran al-Quran dan Tajwid, lapan belas (18) tahun.

15. Walau apa pun ketetapan di Subperkara 12(b) di atas, Jawatankuasa mempunyai budi bicara untuk mengecualikan mana-mana orang yang difikirkan layak memohon untuk mendapatkan Tauliah berdasarkan Subperaturan 22(c) Peraturan-Peraturan Tauliah (Terengganu) 2013.

## PROSEDUR PERMOHONAN TAULIAH

16. Pemohon boleh mendapatkan **Borang Pemohonan Untuk Mendapat Tauliah** di Pejabat Agama Daerah atau boleh memuat turun dari laman sesawang Jabatan: [www.jheatweb.terengganu.gov.my](http://www.jheatweb.terengganu.gov.my).

17. Borang permohonan yang lengkap beserta salinan dokumen sokongan hendaklah diserahkan kepada Pejabat Agama Daerah untuk semakan dan akan dipanjangkan kepada Jabatan bagi proses saringan dan penilaian selanjutnya. Jabatan berhak untuk tidak mengambil perjalanan ke atas mana-mana borang permohonan yang tidak lengkap.

18. Pemohon yang dikategorikan sebagai layak akan dipanggil untuk menduduki ujian temu duga di bawah kendalian Panel Temu duga Tauliah. Tarikh panggilan temu duga adalah bergantung kepada perkiraan Sahibus Samahah Dato' Mufti Negeri Terengganu selaku Pengerusi Panel Temu duga.

19. Jawatankuasa akan mengadakan mesyuarat bagi mempertimbangkan setiap

pemarkahan ujian temu duga dan membuat keputusan terhadap pemohon-pemohon. Keputusan Jawatankuasa akan disahkan oleh Majlis terlebih dahulu sebelum dipanjangkan kepada Jabatan untuk perjalanan selanjutnya. Setiap keputusan yang disahkan oleh Majlis adalah muktamad.

20. Setiap pemohon akan dimaklumkan keputusan masing-masing oleh Jabatan secara bersurat. Pemohon yang berjaya hendaklah mengambil dokumen perakuan Tauliah yang akan disediakan dalam bentuk sijil dan kad di Pejabat Agama Daerah di daerah yang dimohon.

## **PROSEDUR PEMBAHARUAN TAU利亚**

21. Pengajar perlu mengisi **Borang Permohonan Untuk Memperbaharui Tauliah Mengajar** bagi tujuan-tujuan yang berkaitan dengan urusan memperbaharui Tauliah seperti berikut:

- (a) Untuk menyambung tempoh sah tauliah;
- (b) Untuk menukar bidang kuasa pentauliahan;
- (c) Untuk ditemu duga bagi menambah kategori pengajaran atau memperluas bidang kuasa pentauliahan; dan
- (d) Untuk mengemas kini maklumat diri dalam tauliah.

22. **Borang Permohonan Untuk Memperbaharui Tauliah Mengajar** boleh didapati di Pejabat Agama Daerah atau memuat turun melalui laman sesawang Jabatan: [www.jheatweb.terengganu.gov.my](http://www.jheatweb.terengganu.gov.my).

23. Keterangan permohonan bagi memperbaharui Tauliah:

- (a) Permohonan di para 19(a) bagi membolehkan mana-mana Pengajar memohon untuk menyambung tempoh kesahan pentauliahanya dan ia hendaklah dibuat tidak lewat dari **enam (6) bulan sebelum tarikh tamat tempoh sah tauliah**. Jika permohonan itu dibuat selepas tarikh tamat tempoh sah tauliah, permohonan tersebut boleh terbatal dan dianggap sebagai suatu permohonan tauliah yang baru.
- (b) Permohonan di para 19(b) bagi membolehkan mana-mana Pengajar memohon untuk menukar bidang kuasa pentauliahanya di peringkat bidang kuasa yang sama, sebagai contoh dari mukim Chendering ke mukim Bukit Besar atau dari daerah Marang ke daerah Kuala Terengganu.
- (c) Permohonan di para 19(c) bagi membolehkan mana-mana Pengajar memohon untuk ditemu duga semula bagi menambah kategori pengajaran atau memperluas bidang kuasa pentauliahanya.
- (d) Permohonan di para 19(d) bagi membolehkan mana-mana Pengajar memohon untuk mengemas kini maklumat diri yang diperlukan dalam dokumen perakuan pentauliahanya.

24. Pemohon yang berjaya diperbaharui pentauliahanya akan dimaklumkan oleh Jabatan melalui surat. Pengajar hendaklah mengambil dokumen perakuan Tauliah yang baru dalam bentuk sijil dan kad di Pejabat Agama Daerah di daerah yang dimohon dengan dikembalikan kedua-dua bentuk sijil dan kad dokumen perakuan Tauliah yang asal.

## **KADAR FI BAGI SETIAP PENGETAHUAN TAU利亚**

25. Kadar fi yang dikenakan bagi setiap pengeluaran **sijil** Tauliah adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, Peraturan-peraturan Tauliah (Terengganu) 2013, iaitu:

BIL.	PERKARA	KADAR FI
1.	Permohonan Tauliah	RM20.00
2.	Permohonan Pembaharuan Tauliah	RM20.00

*Jadual 1 : Ketetapan kadar fi bagi setiap pengeluaran sijil Tauliah*

26. Kadar fi yang dikenakan bagi setiap pengeluaran **kad** Tauliah adalah sebagaimana jadual di bawah:

BIL.	PERKARA	KADAR FI
1.	Permohonan Tauliah	RM20.00
2.	Permohonan Pembaharuan Tauliah	RM20.00

*Jadual 2 : Ketetapan kadar fi bagi setiap pengeluaran kad Tauliah*

27. Bayaran fi hendaklah dijelaskan di Pejabat Agama Daerah terlebih dahulu sebelum sijil atau kad Tauliah diserah. Bayaran fi yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.

## TANGGUNGJAWAB DAN ETIKA PENGAJAR

28. Setiap Pengajar tidak boleh melanggar syarat-syarat yang sebagaimana dinyatakan dalam Peraturan 26 Peraturan-peraturan Tauliah (Terengganu) 2013 iaitu:

- (a) Tidak mengajar dan menyebarkan apa-apa ajaran yang bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (b) Tidak menyentuh apa-apa perkara yang berhubungan dengan kedaulatan dan kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan mana-mana Raja sebagai Ketua Agama Islam sesuatu negeri;
- (c) Tidak menyentuh perkara-perkara khilafiah dan hal-hal peribadi mana-mana individu;
- (d) Tidak boleh menyentuh isu-isu parti politik;
- (e) Tidak menghina mana-mana pihak berkuasa agama; dan
- (f) Mematuhi apa-apa peraturan yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

29. Setiap Pengajar hendaklah memberi kerjasama dalam—

- (a) mematuhi kategori pengajaran dan bidang kuasa pentaulianan yang ditentukan kepadanya oleh Jawatankuasa;
- (b) menunjukkan dokumen perakuan pentaulianan jika dikehendaki oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Jabatan; dan
- (c) memenuhi undangan mengajar yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan dari semasa ke semasa.

30. Setiap Pengajar mesti menjaga etika pengajaran dan nilai baik kelakuan seperti mana berikut:

- 
- (a) menyampaikan setiap pengajaran dengan tertib, bersopan, berhemah serta menggunakan bahasa yang baik dan tidak menggunakan ungkapan atau perkataan yang cemar dan sia-sia serta dilarang membuat sebarang kenyataan yang boleh menimbulkan kontroversi atau perselisihan faham;
  - (b) sentiasa mendalami ilmu pengetahuan agama Islam khasnya dalam perkara fardu ain serta pengetahuan hukum semasa (fiqh kontemporari) sebagai persediaan untuk memberikan nasihat dan panduan kepada masyarakat;
  - (c) berperanan dan berkewajipan untuk membantu dalam memberikan khidmat nasihat (kaunseling), panduan dan bimbingan kepada masyarakat khususnya perkara yang berkaitan dengan urusan agama Islam; dan
  - (d) sentiasa menjaga maruah diri dan agama dengan berpakaian yang sempurna dan sesuai dengan pengiktirafan yang telah dianugerahkan serta sentiasa berakhlek mulia jujur, amanah, ikhlas dan tidak melakukan sebarang perkara kemungkaran yang boleh menjelaskan nama baik agama, diri, keluarga, masyarakat, bangsa dan negara.

## **LAMPIRAN**

- 31. Garis panduan ini disertakan dengan lampiran-lampiran berikut:
  - (a) Lampiran A : Carta Alir Proses Permohonan Tauliah
  - (b) Lampiran B : Carta Alir Proses Permohonan Memperbaharui Tauliah 1 (Menyambung Tempoh Sah & Mengemas Kini Maklumat Diri)
  - (c) Lampiran C : Carta Alir Proses Permohonan Memperbaharui Tauliah 2 (Menukar Bidang Kuasa Pentauliahan)
  - (d) Lampiran D : Carta Alir Proses Permohonan Memperbaharui Tauliah 3 (Temu Duga Untuk Menambah Kategori Pengajaran Atau Memperluas Bidang Kuasa Pentauliahan)

## **PENUTUP**

- 32. Garis panduan ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa.
- 33. Garis panduan yang disediakan ini diharap dapat menjadi rujukan kepada semua pihak dalam mengikuti prosedur yang ditetapkan dalam proses permohonan Tauliah.
- 34. Sebarang pertanyaan berkaitan garis panduan ini boleh dirujuk kepada pihak urus setia:

### **BAHAGIAN DAKWAH**

### **JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU**

Tingkat 4, Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Kompleks Seri Iman  
Jalan Sultan Mohamad, 20676 Kuala Terengganu  
TERENGGANU DARUL IMAN.

No. Tel : 06-6252525  
Emel : [bahagiandakwahheat4@gmail.com](mailto:bahagiandakwahheat4@gmail.com)

No. Faks : 06-2848144

---

Web : [www.jheatweb.terengganu.gov.my](http://www.jheatweb.terengganu.gov.my)

Disahkan oleh:





**(HAJI M. ROZLI BIN HAJI BIDIN)**  
Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama  
Terengganu

Tarikh : **14 MAC 2024 / 03 RAMADAN 1445**

**LAMPIRAN A**


**CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN TAU利亚**






**LAMPIRAN B**


**CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN MEMPERBAHARUI TAU利亚 1  
(MENYAMBUNG TEMPOH SAH & MENGEMAS KINI MAKLUMAT DIRI)**



**LAMPIRAN C**


**CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN MEMPERBAHARUI TAU利亚 2  
(MENUKAR BIDANG KUASA PENTAU利亚HAN)**






**LAMPIRAN D**

**CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN MEMPERBAHARUI TAU利亚 3  
(TEMU DUGA UNTUK MENAMBAH KATEGORI PENGAJARAN  
ATAU MEMPERLUAS BIDANG KUASA PENTAU利亚HAN)**





# **GARIS PANDUAN PERMOHONAN KEBENARAN KHAS MENGAJAR**

**DI BAWAH SEKSYEN 105 ENAKMEN PENTADBIRAN HAL  
EHWAL AGAMA ISLAM (TERENGGANU) 2001**

**BAHAGIAN DAKWAH**

## KANDUNGAN

KANDUNGAN .....	1
TUJUAN .....	2
TAFSIRAN .....	2
PUNCA KUASA .....	2
PENDAHULUAN.....	2
ASAS PERTIMBANGAN.....	3
ANGGAPAN MENGANJUR .....	3
KRITERIA KELAYAKAN.....	3
TEMPOH SAH .....	4
PROSEDUR PERMOHONAN .....	4
DAFTAR KEBENARAN KHAS .....	5
TANGGUNGJAWAB PENCERAMAH DAN PENGANJUR.....	5
PENUTUP .....	5
LAMPIRAN .....	7

## **GARIS PANDUAN PERMOHONAN KEBENARAN KHAS MENGAJAR DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN TAULIAH (TERENGGANU) 2013**

### **TUJUAN**

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada mana-mana penganjur dalam negeri Terengganu yang berhasrat untuk memohon Kebenaran Khas bagi pihak penceramah jemputan yang belum memiliki Tauliah Mengajar di bawah Subseksyen 102(3) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 bagi tujuan penganjuran program yang melibatkan pengajaran agama Islam dalam negeri Terengganu.

### **TAFSIRAN**

2. Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—
  - “Majlis” bermaksud Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu;
  - “Jawatankuasa” bermaksud Jawatankuasa Pengawasan Pendidikan Agama Islam yang ditubuhkan di bawah Subseksyen 102(1) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001;
  - “Jabatan” bermaksud Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu;
  - “Kebenaran Khas” bermaksud suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Majlis di bawah peruntukan Seksyen 105 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 untuk membenarkan seseorang penceramah sama ada warganegara atau bukan warganegara yang dijemput oleh mana-mana penganjur bagi tujuan menyampaikan apa-apa pengajaran yang berkaitan agama Islam dalam negeri Terengganu;
  - “Penganjur” bermaksud mana-mana pertubuhan atau individu yang menganjurkan sebarang program atau aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran agama Islam sama ada dalam bentuk ceramah, forum, pengisian, motivasi, taklimat, tazkirah, pembentangan kertas kerja, kuliah, audio visual atau cara lain yang ditentukan oleh Majlis.

### **PUNCA KUASA**

3. Punca kuasa garis panduan ini ialah:
  - (a) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001; dan
  - (b) Ketetapan-ketetapan Majlis dari semasa ke semasa.

### **PENDAHULUAN**

4. Mana-mana pertubuhan atau individu yang berhasrat untuk menganjurkan sebarang program atau aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran agama Islam melibatkan penceramah jemputan yang belum mempunyai Tauliah Mengajar di bawah Subseksyen 102(3) Enakmen

Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 hendaklah mendapatkan Kebenaran Khas daripada Majlis.

5. Berdasarkan peruntukan Seksyen 105 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001, Majlis mempunyai budi bicara untuk memberikan Kebenaran Khas kepada penceramah jemputan yang belum memiliki Tauliah Mengajar yang diundang oleh mana-mana pengajur bagi maksud menyampaikan apa-apa yang berkaitan dengan pengajaran agama Islam dalam negeri Terengganu.

6. Jabatan berfungsi sebagai urus setia kepada Majlis dalam urusan menerima, mengesah dan menyaring permohonan Kebenaran Khas yang dikemukakan oleh mana-mana pengajur.

## **ASAS PERTIMBANGAN**

7. Keperluan mewujudkan garis panduan ini adalah untuk memberi maklumat rasmi berkenaan tatacara permohonan Kebenaran Khas kepada mana-mana pengajur agar program yang dianjurkan bebas daripada sebarang isu kesalahan, kontroversi, pertikaian dan seumpamanya yang boleh menimbulkan keresahan masyarakat.

## **ANGGAPAN MENGANJUR**

8. Mana-mana orang yang memiliki atau mempunyai kawalan ke atas premis di mana suatu program atau aktiviti pengajaran, ceramah, syarahan atau yang seumpamanya berhubung dengan pengajaran agama Islam dianjurkan hendaklah dianggap sebagai pengajur.

9. Bagi premis yang dimiliki atau berada dalam kawasan sesuatu persatuan atau badan, walau dengan apa juga nama ia dikenali, setiap anggota jawatankuasa persatuan atau badan itu hendaklah dianggap sebagai pengajur kecuali dia dapat membuktikan bahawa dia telah mengambil langkah-langkah yang wajar untuk melarang sesuatu pengajuran itu.

## **KRITERIA KELAYAKAN**

10. Kriteria-kriteria yang melayakkan seseorang penceramah mendapat Kebenaran Khas ialah sebagaimana berikut:

- (a) beragama Islam;
- (b) berpengetahuan dalam mana-mana bidang pengajaran Islam;
- (c) berfahaman dengan aliran pemikiran Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (d) tidak pernah disabitkan dengan kesalahan jenayah oleh Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah; dan
- (e) tidak tersenarai dalam kalangan penceramah atau agamawan yang disenarai hitam oleh mana-mana Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)/ Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).

## TEMPOH SAH

11. Kebenaran Khas hanya sah bagi **tarikh, tempoh atau masa dan tempat** tertentu sahaja berdasarkan permohonan pihak pengajur.

12. Walau bagaimanapun, setiap Kebenaran Khas yang telah dikeluarkan boleh dibatalkan, digantung atau dipendekkan tempoh sahnya atas sebab-sebab tertentu oleh pihak Majlis.

## PROSEDUR PERMOHONAN

13. Borang permohonan Kebenaran Khas boleh didapati di Pejabat Agama Daerah atau boleh dimuat turun dari laman sesawang Jabatan: [www.jheatweb.terengganu.gov.my](http://www.jheatweb.terengganu.gov.my).

14. Pemohon hendaklah melengkapkan butiran-butiran dalam borang permohonan Kebenaran Khas antara lain meliputi perkara-perkara berikut:

- (a) dua (2) keping gambar terkini penceramah berukuran gambar pasport;
- (b) nama penuh penceramah;
- (c) nombor kad pengenalan penceramah (bagi warganegara) atau pasport (bagi bukan warganegara);
- (d) alamat penceramah;
- (e) pekerjaan penceramah;
- (f) kelulusan akademik penceramah dan bidang pengajian;
- (g) pengalaman penceramah dalam bidang dakwah;
- (h) tajuk dan sinopsis program;
- (i) tarikh, waktu dan tempat program; dan
- (j) maklumat pihak pengajur.

15. Permohonan hendaklah dikemukakan dengan lengkap oleh pengajur ke Jabatan (Bahagian Dakwah) dalam tempoh minimum **tiga (3) bulan sebelum tarikh sesuatu cadangan program** diadakan. Jabatan berhak untuk tidak mengambil perjalanan ke atas mana-mana borang permohonan yang tidak lengkap atau yang dikemukakan kurang daripada tempoh minimum yang dinyatakan.

16. Jabatan akan membuat semakan tapisan keselamatan dan tapisan rekod jenayah mengenai diri penceramah daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta semakan tapisan aliran pemikiran daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sekiranya perlu.

17. Permohonan akan dipanjangkan kepada Jawatankuasa untuk dipertimbangkan dan dibuat pengesyoran. Pengesyoran Jawatankuasa akan diambil kira oleh Majlis dalam menentukan keputusan.

18. Majlis akan bermesyuarat untuk menentukan keputusan. Jabatan akan memaklumkan keputusan Majlis kepada pemohon dan setiap keputusan tersebut adalah muktamad.

## **DAFTAR KEBENARAN KHAS**

19. Penceramah yang telah mendapat Kebenaran Khas daripada Majlis akan dimasukkan dalam Daftar Kebenaran Khas yang boleh disemak di laman sesawang jabatan.

## **TANGGUNGJAWAB PENCERAMAH DAN PENGANJUR**

20. Tanggungjawab penceramah:

- (a) Tidak mengajar dan menyebarkan apa-apa ajaran yang bertentangan dengan aliran pemikiran Ahli Sunnah Wal Jamaah;
- (b) Tidak menyentuh apa-apa perkara yang berhubungan dengan kedaulatan dan kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan mana-mana Raja sebagai Ketua Agama Islam sesuatu negeri;
- (c) Tidak menyentuh perkara-perkara khilafiah dan hal-hal peribadi mana-mana individu;
- (d) Tidak boleh menyentuh isu-isu parti politik;
- (e) Tidak menghina mana-mana pihak berkuasa agama;
- (f) Mengajar mengikut tarikh, tempoh atau masa dan tempat tertentu yang ditentukan kepadanya sahaja oleh Majlis;
- (g) Menyampaikan setiap pengajaran dengan tertib, bersopan, berhemah serta menggunakan bahasa yang baik dan tidak menggunakan ungkapan atau perkataan yang cemar dan sia-sia serta dilarang membuat sebarang kenyataan yang boleh menimbulkan kontroversi atau perselisihan faham; dan
- (h) Mematuhi apa-apa peraturan yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

21. Tanggungjawab penganjur:

- (a) Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perakuan bertulis atau lisan yang dibuat oleh penceramah;
- (b) Memastikan segala syarat yang dikenakan dipatuhi serta bertanggungjawab atas apa-apa perlanggaran syarat oleh penceramah;
- (c) Bertanggungjawab atas apa-apa kos menganjur, mengurus dan apa-apa tanggungan kerugian yang timbul dari mana-mana pihak atau atas perlanggaran syarat; dan
- (d) Menunjukkan dokumen perakuan Kebenaran Khas jika dikehendaki oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Jabatan.

## **PENUTUP**

22. Garis panduan ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa.

23. Garis panduan yang disediakan ini diharap dapat menjadi rujukan kepada semua pihak dalam mengikuti prosedur yang ditetapkan bagi melancarkan proses permohonan Kebenaran Khas dari mula hingga selesai.

24. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai garis panduan ini boleh diajukan kepada pihak urus setia di:

**BAHAGIAN DAKWAH**

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU**

Tingkat 4, Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Kompleks Seri Iman  
Jalan Sultan Mohamad, 20676 Kuala Terengganu  
TERENGGANU DARUL IMAN.

No. Tel : 06-6252525

No. Faks : 06-2848144

Emel : [bahagiandakwahjheat4@gmail.com](mailto:bahagiandakwahjheat4@gmail.com)

Web : [www.jheatweb.terengganu.gov.my](http://www.jheatweb.terengganu.gov.my)

Disahkan oleh:



**(HAJI M. ROZI BIN HAJI BIDIN)**  
Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama  
Terengganu

Tarikh : **14 MAC 2024 / 03 RAMADAN 1445**

**LAMPIRAN**

**CARTA ALIR PROSES PEMBERIAN KEBENARAN KHAS**

